



Semua Pelajar
Program Prasiswazah
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2020-2021

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 1 Sesi Akademik 2020-2021 akan bermula pada **12 Oktober 2020**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2020-2021	Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus bermula 12 Oktober 2020 . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
CAJ LEWAT MENDAFTAR	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP.
DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR	Pelajar akan diberikan status " DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR " jika tidak membuat pendaftaran sehingga selewat-lewatnya pada 15 November 2020 .



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5585 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

<p>JADUAL PERKULIAHAN</p>	<p>Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula. Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.</p>
<p>PEMBAYARAN YURAN</p>	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester sebelum atau pada 4 Oktober 2020. Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian. Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan Portal E-Kewangan.</p>
<p>EDARAN BAHAN BACAAN/MODUL SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2020-2021 (PROGRAM PRASISWAZAH YANG BERKENAAN SAHAJA)</p>	<p>Edaran bahan bacaan/modul Semester 1 Sesi Akademik 2020-2021 bagi pusat kuliah UKM dan KL bermula pada 12 Oktober 2020. Manakala bagi pusat luar UKM, edaran akan bermula pada 17 Oktober 2020. Pelajar boleh berhubung terus dengan Penyelia di Pusat melalui emel untuk mengambil bahan bacaan/modul di pusat kuliah masing-masing. Sila rujuk maklumat Penyelia di capaian http://www.ukm.my/pkp/pusat-kuliah-pbjj/</p> <p>PELAJAR PERLU MENCETAK SLIP PENDAFTARAN KURSUS DI SMPE DAN MEMBAWA SLIP TERSEBUT BAGI TUJUAN PENGAMBILAN BAHAN BACAAN/MODUL.</p> <p>PELAJAR DIINGATKAN SUPAYA MEMASTIKAN HANYA KURSUS HENDAK DIAMBIL SAHAJA YANG DIDAFTARKAN DI SMPE. INI ADALAH KERANA CAJ AKAN DIKENAKAN KEPADA PELAJAR YANG GUGUR/TARIK DIRI KURSUS SEPerti YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PKP.</p>
<p>BIODATA PELAJAR DI SMPE</p>	<p>Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester.</p>



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5329 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2019-2020.

Sekian, untuk makluman dan perhatian saudara/i. Terima kasih.

Yang benar,



NOOR SUZILAWATI BINTI DESA
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Bahagian Pentadbiran, PKP
- Bahagian Kewangan, PKP
- Penyelia Pusat Kuliah



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5585 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp